



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Islam di Britain mempunyai hubungan sejarah sejak dari zaman pertengahan lagi.

Bukti paling awal pengaruh Islam di England ialah pada abad ke-8 ketika Offa iaitu Raja Anglo-Saxon Mercia memiliki duit syiling dengan cetakan bercorak Islam dikeluarkan oleh Khalifah Al-Mansur.

Khalifah Al-Mansur adalah khalifah kedua Abbasiyah yang memerintah dari 754 hingga 775 Masihi.

Pada abad ke-16, umat Islam dari Utara Afrika, Timur Tengah dan Asia Tengah sudah berada di Kota London bekerja dalam pelbagai bidang seperti diplomat, penterjemah sehinggalah ke peniaga dan pemuzik.

Lawatan penulis ke

Istana Cardiff terletak di tengah-tengah ibu kota Wales, baru-baru ini dapat menyaksikan pengaruh seni bina Islam di sana antaranya binaan sebuah bilik dinamakan sebagai Bilik Arab.

Ketika zaman pengembangan kolonial British, lebih banyak pendedahan kepada kepercayaan dan budaya yang berbeza di tanah Britain.

Islam mula tersebar apabila beberapa Victorian dan Edwardian memeluk Islam pada abad ke-18 dan ke-19 seperti William Henry Quilliam atau nama Islamnya Abdullah Quilliam yang cukup berpengaruh.

Quilliam dilahirkan di Liverpool pada 10 April 1856 daripada sebuah keluarga yang kaya.

Beliau menjalani kehidupan zaman kanak-kanaknya di Isle of Man.

Beliau mendapat pendidikan di Institut Liverpool and Kolej King William, seterusnya menjadi seorang peguam cara pada 1878.

Mula menerima Islam pada 1887 sekembalinya dari lawatan ke Morocco. Beliau kemudian membeli beberapa rumah di Liverpool dan menjadikannya sebagai Institut Muslim Liverpool yang menjadi masjid pertama di Britain.

Beliau juga menubuhkan sebuah sekolah berasrama untuk pelajar lelaki dan sekolah harian untuk pelajar perempuan.

Pada 1889, beliau menerbitkan buku bertajuk *The Faith of Islam* yang berkaitan prinsip utama Islam bertujuan untuk berdakwah.

Selain itu, Quilliam juga menerbitkan majalah mingguan bertajuk *The Crescent* dan majalah

bulanan *Islamic World*.

Atas jasanya untuk Islam di Britain, Quilliam diberi penghormatan sebagai 'Alim atau Sarjana Islam oleh Universiti Islam Fez di Maghribi.

Setahun kemudian, Sultan Abdul Hamid II iaitu Khalifah Uthmaniah yang terakhir menganugerahkannya gelaran 'Sheikh al Islam.'

Kedatangan orang Islam dalam kumpulan besar ke Britain bermula dengan pelaut keturunan India yang bekerja dengan Syarikat Hindia Timur.

Kebanyakan mereka berasal dari kawasan Bengal (sekarang Bangladesh) yang mempunyai ramai orang Islam.

Dengan tuntutan tenaga pekerja yang bertambah khususnya selepas peperangan, umat Islam dari Mesir dan Yaman tiba di Britain dan membina

komuniti masing-masing.

Penghijrahan beramai-ramai ke Britain juga berlaku selepas Perang Dunia Kedua hasil daripada kekurangan tenaga kerja akibat peperangan.

Migran Islam dari koloni British terutamanya dari India, Pakistan dan Bangladesh diambil bekerja dengan kerajaan dan perniagaan untuk membina semula negara yang terjejas perang.

Analisis Bancian UK 2011 dikeluarkan Majlis Muslim Britain mendedahkan, umat Islam di United Kingdom dianggarkan seramai hampir tiga juta orang (2,706,066) iaitu 4.8 peratus daripada populasi British.

Daripada jumlah itu, 1,409,290 lelaki dan 1,296,776 wanita. Dari segi profil umur, 33 peratus berusia 15 tahun ke bawah dan hanya empat peratus berusia lebih 65 tahun.

Kebanyakan umat Islam berasal daripada latar belakang Asia atau Asia British. Arab adalah kumpulan etnik terkecil dengan jumlah 178,195 orang.

Orang Islam di Britain hari ini memainkan peranan penting dalam kehidupan dan politik. Makanan halal mudah diperoleh terutama di bandar utama.

Daging halal juga boleh didapati di pasar raya utama seperti Pasaraya Asda. Seramai 15 Ahli Parlimen terpilih dalam pilihan raya umum 2017 adalah Muslim.

Sadiq Khan dipilih sebagai Datuk Bandar London pada 2016, menjadikan beliau sebagai orang Islam pertama menjadi Datuk Bandar di sebuah ibu kota utama dunia Barat.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)

Islam mekar di United Kingdom